

14 AUG 1998

DR MAHATHIR UCAP TAHNIAH KEPADA PRESIDEN PARAGUAY

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengutus perutusan tahniah kepada Presiden Paraguay Raul Cubas Grau sempena pelantikannya.

Dr Mahathir berkata beliau yakin Paraguay akan terus menikmati kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi di bawah kepimpinan Cubas.

"Saya ingin bekerjasama rapat dengan anda untuk meningkatkan kerjasama dan hubungan baik sedia ada antara Malaysia dan Paraguay," katanya dalam perutusan yang dikeluarkan Kementerian Luar di sini.

Cubas, 54, seorang jurutera menggantikan Juan Carlos Wasmosy untuk penggal perkhidmatan selama lima tahun.

-- BERNAMA

HJ RHM